



## SIARAN MEDIA

### LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

#### “BAPA PERLU PROAKTIF DAN KREATIF”

**SG. PETANI, 14 JUN 2015 –** Kepelbagaian peranan telah menuntut golongan bapa untuk lebih proaktif dan kreatif dalam mencorakkan hala tuju keluarga masing-masing. Golongan bapa perlu bijak membahagikan masa untuk bersama keluarga dengan waktu dan komitmen di tempat kerja. Tugas dan peranan yang dipikul oleh bapa di tempat kerja seharusnya diseimbangkan dengan peranan yang perlu dimainkan oleh bapa bersama keluarga di rumah. Perkara ini dinyatakan oleh YAB Dato’ Seri Mukhriz bin Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah, ketika merasmikan Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan sempena Jelajah Keluarga Bahagia (JKB) 2015 di Perkarangan Aman Jaya Mall dengan tema ‘**Saya Sayang Bapa Saya**’, di sini, hari ini.

“Kita boleh bayangkan sekiranya waktu tersebut tidak digunakan sepenuhnya bersama keluarga, maka kita akan kehilangan lebih banyak masa berharga untuk orang tersayang. Justeru, golongan bapa disarankan agar membawa isteri dan anak-anak bagi berkongsi hobi yang digemari. Usaha sebegini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan mewujudkan suasana ceria keluarga”, tambah beliau lagi.

Terdahulu, dalam ucapan aluan yang disampaikan oleh YB Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menyatakan bahawa hubungan rapat di antara ahli keluarga dan sikap saling menyayangi akan mewujudkan kebahagiaan dalam institusi keluarga. Perkataan sayang bukan sahaja perlu diungkap kepada insan yang disayangi, tetapi perlu dipupuk dan disusuli dengan tindakan dan komitmen berterusan. Menerusi kajian yang dijalankan oleh KPWKM melalui LPPKN semasa Sambutan Hari Bapa pada tahun 2013 dan 2014, mendapati bahawa peratusan tertinggi iaitu 97.2% (2013) dan 93.8% (2014) dan **meningkat kepada 98.5 peratus dalam tinjauan pendapat sama yang dilakukan baru-baru ini**. Responden dari kalangan bapa telah menyatakan mereka pernah berasa dihargai oleh anak-anak sama ada dalam bentuk ucapan, penghormatan, pemberian hadiah dan perhatian yang diberikan oleh ahli keluarga.

“Hasil tinjauan 2015 juga mendapati sejumlah 85.0 peratus merasakan nilai mematuhi peraturan keluarga penting untuk diterapkan kepada anak-anak, diikuti dengan nilai bertanggungjawab (84.0%), berbuat baik dan bertimbang rasa (84.0%) dan nilai keagamaan (83.5%). 83.0 peratus daripada responden merasakan menjaga pergaulan adalah penting diikuti mendapat keputusan yang cemerlang (79.5%) dan berdikari (76.5%)”, sambung YB Chew.

Pada majlis sama, tiga orang bapa kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Bapa Peringkat Negeri Kedah iaitu **Konjoramah a/l Krishnan, Mohd Hussin Ooi bin Abdullah** dan **A Hamid bin Dahari**. Ketiga-tiga dipilih berdasarkan kejayaan masing-masing dalam mendidik anak-anak berjaya dalam pelajaran dan kerjaya.

Selain itu, Sambutan Hari Bapa Kebangsaan bersempena Jelajah Keluarga Bahagia 2015 turut dimeriahkan dengan pelbagai acara seperti pertandingan permainan dam ular bersama keluarga, menghias kek cawan bapa dan anak, pertandingan mewarna dan *selfie* bapa dan anak serta gerai-gerai pameran dan jualan pelbagai agensi.

Turut hadir pada program tersebut ialah YB Dato’ Suraya Yaacob, EXCO Kerajaan Negeri Kedah, YBhg. Dato’ Dr Siti Norlaysia Ismail, Ketua Pengarah LPPKN Malaysia dan kira – kira 3,000 orang penduduk di sekitar Sungai Petani.

---

---

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**  
**12B, Jalan Raja Laut**  
**50350 Kuala Lumpur**  
No. telefon : **03-2693 7555**      **samb. 3308 / 3310/ 2132**  
No. Faks : **03-2691 9431**